



MUZAKARAH

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

*Sejarah Islam di Malaysia:
Ke Arah Kegemilangan Mendatang*

Disediakan oleh :

=====
Prof. Emiratus Datuk Zainal Kling
=====

Tarikh

24 & 25 Februari 2020

Tempat

Casuarina Convention Centre
Casuarina@Meru, Bandar Meru Raya
Ipoh, Perak.



PROF. EMERITUS DATUK DR. ZAINAL BIN KLING
Penyandang
Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, Universiti Teknologi MARA



Profesor Emeritus Datuk Dr. Zainal bin Kling dilahirkan pada 27 November 1944 di negeri Melaka pada zaman penamat pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Beliau mendapat pendidikan awal disekolah Melayu pada tahun 1950. Beliau menyambung persekolahan ke 'Sekolah Menengah Melayu' di Government English School, Pasir Putih, Ipoh hingga tamat tingkatan enam. Selepas itu beliau menyambung pelajaran ke Universiti Malaya dalam Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.Hons) (1964-1966/67) dan Sarjana Muda Sastera (M.A Hons) (1967-1969/70). Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat Ph.D di University of Hull, England (1970/1973/4).

Sejarah kerjaya beliau bermula ketika ditawarkan menjadi tenaga pengajar (tutor) di Universiti Malaya (UM) dari Jun 1967 September 1969, kemudian menjadi Pembantu Pensyarah dari Februari 1974 - Disember 1977 dan dianugerahkan gelaran Prof. Madya dari Disember 1977/1992. Beliau dilantik sebagai Profesor penuh pada 1992.

Selain itu, beliau turut menjalankan kerjakerja pentadbiran sebagai Principal, Fourth Residential College, UM, Mei 1976 Disember 1978, Head Department of Anthoropology & Sociology, UM, April 1984/88, Dean Faculty of Arts & Social Science, UM, Mei 1993 April 1995 dan Deputy Vice Chancellor, Student Affairs, UM, Mei 1995. Pernah bertugas di Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan menjawat jawatan sebagai Penyandang Kursi Tun Ghafar Baba. Beliau sekarang ini menjawat jawatan sebagai Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM (Julai 2018).

Sebagai seorang tokoh akademik dan juga pejuang bangsa Melayu, beliau banyak membenteng kertas kerja dalam seminar, kursus dan latihan. Antaranya Simposium Dunia Melayu Seminar Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya, Simposium Sekretariat Melayu Antarabangsa, Seminar Management of Higher Education Institutions, Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Seminar Adat Melayu Serantau, Seminar Persuratan Kerajaan Johor, Dialoge Among Asian Cultures dan pelbagai lagi.

Beliau turut memberi sumbangan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pakar Bidang Ensiklopedia Dunia, Pengerusi Pakar Bidang Kebudayaan, Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Ahli Jawatankuasa Penilai Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Sumbangan tokoh hebat ini bukan sahaja meliputi pembangunan pendidikan semata-mata malah untuk kesejahteraan masyarakat khususnya berkaitan sejarah dan alam tamadun Melayu yang perlu disebarluaskan kepada masyarakat dunia.

SEJARAH ISLAM DI MALAYSIA : KE ARAH KEGEMILANGAN MENDATANG

Prof. Emeritus Datuk Dr. Zainal Bin Kling
Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu
Universiti Teknologi Mara

“Karya-karya historiografi Melayu Islam merupakan sumber sejarah yang amat penting untuk mengaji sejarah masyarakat Melayu pada kurun ke-13 sehingga ke-19. Karangan tersebut (Hikayat raja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Peringatan Sejarah Negeri Johor, HikayatSiakTuhfat al-Nafis) mewakili pelbagai aliran dalam historiografi Melayu Islam yang wujud di dalam pelbagai zaman dan negara. Teks-teks tersebut mengandungi banyak maklumat tentang cara kehidupan masyarakat Melayu, keadaan yang nyata dalam bidang ekonomi, kehidupan intelektual, politik, agama, adat-istiadat dan lain-lain.”

(Tatiana Denisova: *Orang Melayu dan tamadun Melayu dalam historiografi Melayu Islam kurun ke-13 hingga ke-19*).

“It should be known that history is informative about human social organization, which itself is identical with world civilization. It deals with such conditions affecting the nature of civilization as, for instance, savagery and sociability, group feelings [‘asabiyya], and the different ways by which one group of human beings achieves dominance over another. It deals with [political] authority and the dynasties that result in this manner and with the various ranks that exist within them. Also with the different kinds of gainful occupations and ways of making a living, with the sciences and crafts that human beings pursue as part of their activities and efforts, and with all the other institutions that originate in civilization through its very nature.

(Ibn Khaldun. *Muqaddima*, terj. Franz Rosenthal)

<https://ballandalus.wordpress.com/2013/05/10/ibn-khaldun-d-1406-on-the-importance-of-history/>

1. Persoalan Muzakarah

Persoalan kelemahan serta kejatuhan Islam dalam rentetan sejarahnya yang kini melangkaui 1441 tahun hijriyah, sudah banyak dibincang serta diwacanakan oleh pelbagai pihak dari dalam dan juga luar lingkungan ummat Islam. Dari sebuah addin yang diturunkan dalam kalangan masyarakat Arab Makkah Islam berkembang menjadi sebuah peradaban yang meliputi seluruh dunia dengan membawa bersamanya aqidah yang amat ‘radikal’ – ketauhidan atau keesan Tuhan bernama Allah. Dalam Konteks atau hubungannya dengan sistem aqidah lain di sekitarnya

pada zamannya dan masa kini, ketauhiddan itu sentiasa mendapat cabaran dan persaingan. Pada satu pihak banyak manusia meyakini akan kepelbagaian kuasa ketuhanan, namun Islam menolak ketuhanan itu sebagai *shirk*. Gagasan 'banyak tuhan' itu adalah paling besar salahnya serta hukumnya. Ada pula golongan agama yang menetapkan ketuhanan sebagai 'trinititi' – kesatuan tiga badan. Islam menafikan dan menolak gagasan ketuhanan seperti ini.

Justeru demikian, Islam sentiasa berhadapan pelbagai cabaran, sanggahan dan persaingan. Terdapat usaha pada zaman awal kemunculannya agar ia dihapuskan. Dalam sejarahnya yang panjang Islam telah berhadapan peperangan sengit untuk menghapuskannya. Namun keupayaannya membina peradaban agung dan teguh mengekalkannya hingga kini.

Namun kini pun Islam berhadapan serangan amat sengit semula dalam gagasan 'Islamophobia' (yang ditakuti) dan diserang sebagai aqidah 'pengganas'. Dalam pada itu, kedudukannya yang amat berkuasa dan berwibawa di dalam pelbagai negara dan masyarakat dunia, tidak memperlihatkan keagungan serta keunggulannya sebagai kerangka hidup para pendukung serta umatnya. Tempuh kini menunjukkan Islam berhadapan pelbagai cabaran dari dan persaingan sengit dengan pelbagai ideologi sekular dan ketuhanan di pelbagai negara.

Dunia Barat sentiasa menayangkan kehidupan demokrasi liberal dan kapitalisme ekonomi pasaran bebas sebagai asas tamadun dunia yang paling benar. Mereka sedang menguasai seluruh dunia dan alam jagat, meskipun gagasan ini sedang berhadapan persaingan serta sanggahan.

Dunia komunis-sosialis sedang menayangkan kejayaan mereka menyaingi demokrasi dan kapitalisme barat dengan ekonomi terancang dan kuasa mutlak negara untuk kesama-rataan hidup manusia yang paling sempurna. Namun ideologi ini juga sudah mengalami kegagalan dan berubah menjadi 'social captalism' – kapitalisme sosial; yakni gabungan antara kuasa negara, dengan kebebasan usaha ekonomi berlandaskan pasaran sebagai jalan tengah – *third way*.

Amat menarik betapa Islam selama-lamanya, dari awal adalah ideologi wasattiyah – jalan tengah, perimbangan teradil, bentuk keadilan optimum; gabungan kuasa Allah, negara dan individu yang menekankan kebajikan serta kesejahteraan untuk semua.

Meskipun terkandung segala keagungan ajarannya, Islam masih dilihat gagal, malah kini berbahaya. Jika dibanding dengan pencapaian ideologi ciptaan pemikiran

manusia seperti Adam Smith dan Karl Marx, yang ditafsir dan dikembangkan sedemikian rupa oleh para pemikir dan pendukung mereka untuk membina peradaban Barat atau peradaban Komunis-Sosialis dengan kenegaraan yang kuat, teguh serta dominan, maka Islam itu kelihatan kurang berupaya bagi menyelesaikan persoalan hidup manusia. Apakah pandangan ini benar dan wajar? Inilah persoalan muzakarah.

Kertas ini akan meneliti sejarah perkembangan Islam di Malaysia dan Alam Melayu dengan menegaskan segala macam cabaran serta rintangan yang telah dilaluinya dan proses penyesuaian wujudnya dalam konteks rentetan sejarah yang amat mencabar. Tahap sejarah yang sudah ribuan tahun itu memaparkan paras dan darjah cabaran yang amat pelbagai. Namun Islam kekal berlaku di dalam masyarakat dan bangsa Melayu serta rumpun Melayu di Alam Melayu. Dalam arus turun-naik kehadirannya dalam negara dan masyarakat maka corak wujudnya terkini menjadi pemerhatian kita secara khusus untuk menyarankan tindakan wajar demi melonjakkan keagungan serta kewibawaanya di masa hadapan.

2. Teori Sejarah Kedatangan Islam

Tarikh dan proses kedatangan Islam ke Malaysia khususnya dan ke Alam Melayu amnya masih menjadi persoalan ilmiah. Baik dalam kalangan sarjana tempatan mahupun luar negara, hujjah mereka terhadap bukti persoalan kedatangan itu semuanya mempunyai landasan yang dipertahankan.

Historiografi Melayu sendiri seperti karya agong *Hikayat Raja-Raja Pasai* ataupun *Sulatussalatin (Sejarah Melayu)* merakam proses kedatangan itu sebagai memenuhi perintah Nabi (saw) kepada para sahabat baginda supaya mendakwah ke negara jauh. Demikianlah berlaku pendakwaan ke China (pelabuhan Zaitun) adalah juga di zaman Nabi pada kurun 7M. Justeru tempuh dan proses pengislaman di Alam Melayu adalah juga mungkin di zaman Nabi lagi, atau sekurang-kurangnya tidak lama selepas baginda wafat, di zaman Khalifah Arrasyidin oleh para sahabat.

Pandangan seperti ini diterima oleh ramai tokoh pengkaji luar dan dalam negara berlandaskan kehadiran para pedagang Arab dan kemudian pendakwah Muslim. Di dalam jaringan jalan perdagangan Timur-Barat terutama antara Arab dan India dengan China pendakwaan itu berlaku. Laluan dagangan yang diikuti oleh para pedagang-pendakwah menjadi asas utama kehadiran Islam dan kemudian

membenarkan penubuhan penempatan para pedagang dan kemudian pembentukan penganut Islam dalam kalangan penduduk tempatan.

Beberapa kutipan panjang-lebar dari pelbagai penulisan dan pandangan di bawah menjelaskan proses dan kaedah kedatangan serta penyebaran Islam di Alam Melayu. Justeru terdapat sekian banyak kajian serta penulisan, maka kita tidak perlu bertelagah terhadap pelbagai teori kehadiran Islam ini. Kita dapat menerima pelbagai pandangan itu kerana para sarjana itu sendiri telah membicarakannya dengan amat kritis sekali. Profesor A.H Johns (1993) misalnya menjelaskan:

In 1968 Drewes published a long and useful article, "New Light on the Coming of Islam to Indonesia?" (the question mark is an integral part of the title). In it he treats critically Fatimi's hypotheses in the framework of a general survey of the theories put forward by European scholars concerning the place of origin of Islam in the East Indian Archipelago, from Crawford in 1820 who mentioned Arabs, but also referred to "intercourse with the Mahomedans of the Eastern coast of India," to Keyzer who proposed Egypt (1859), to Niemann (1861), de Hollander (1861), and Veth (1878), who spoke only of Arabs. New ground was broken by Pijnappel in 1872, who saw Islam brought to the Indies by Shaficite Arabs of the Gujerat and Malabar. This approach was developed by Snouck Hurgronje (1883), who saw the merchants of the port cities of the Deccan as the bearers of Islam to new territories. It was refined by Marrison in 1951, who attempted to specify the region of South India from which Muslim traders set out, and gave special attention to the Coromandel Coast.

("Islam In Southeast Asia: Reflections And New Directions". Anthony H. Johns. Southeast Asian Studies, Vol. 31, No.1, June 1993)

<https://pdfs.semanticscholar.org/f835/e40f5c78a0dd1fc2f955d7c6070d2654c95f.pdf>

Penelitian L. Gross (2007) untuk makluman National Defence College Washington, merumuskan pula:

"Most sources trace the introduction of Islam into southeast Asia back no further than the 10th or 11th centuries, but a case can be made that the Arab, Persian, and later Indian traders that were the primary propagators of the faith into the region were active as early as the 7th century and certainly by the 9th century, when T'ang Chinese fashions were all the rage in Abbasid Baghdad. Gradually these merchants settled in regions where they established their businesses, married within the indigenous population, and raised families according to Islamic law. The new faith spread slowly among the established Hindu and Buddhist populations of the region, gradually leading to the conversion of some local rulers and the establishment of a number of Muslim kingdoms (sultanates) throughout the region during the 14th and 15th centuries. The first major state of this type to

be established was the Sultanate of Malacca in the mid15th century, although several other ruling families had converted earlier.

(A Muslim Archipelago: Islam and Politics in Southeast Asia. Max L. Gross. National Defense Intelligence College Washington, DC March 2007)

<https://cryptome.org/2014/04/spy-muslim.pdf>.

Demikian pula pandangan tokoh ilmuwan negara seperti Profesor S. Naguib al-Attas (Azmul Fahimi, dll.,2016) adalah seperti berikut :

“According to al-Attas (1969: 25), the advent of Islam in the Malay world was brought by Arab or Arab Persian missionaries and they were responsible for spreading Islam in the Malay world based on the content of major writings on Islam in the Malay world. Their arrival came from a direction of either Arab or through India and China. Al-Attas (2011: 79) specifically pointed out that the advent and proliferation of Islam in the 12th until 16th century in the Malay world were carried and spread by the Arabs from the descendants of Bani Alawi of Hadramaut which is a bloodline of Hussain, the grandchild of Prophet Muhammad. Here, al-Attas explained the missionaries Arab identity is based on genealogy rather than ethnic tribes (Wan Daud, 2011). This was also supported by Wan Mohd Saghir (1999) through his reference to the book of Shams al-Zahirah by al-Sayyid al-Syarif ‘Abd al-Rahman bin Muhammad bin Husayn alMashhur. Bani Alawi preachers propagated Islam in the Malay world covering Sumatra, Java, Sulu, Makassar, Mindanao, Brunei and the Malay Peninsula. They preached to the local rulers and established Islamic Malay governments particularly from the 12th until 16th century. In constructing the history of the spread of Islam in the Malay world, al-Attas outlined several phases of advancement and provided essential features to each phase, the phases being the First Phase 579-805H / 1200-1400AD, Second Phase 803-1112H / 1400-1700AD and the Third Phase 1112H/1700AD onwards (al-Attas 1969: 29-30)”.

(Al-Attas’ Philosophy of History on the Arrival and Proliferation of Islam in the Malay World,” Azmul Fahimi Kamaruzaman, Aidil Farina Omar & Roziah Sidik@Mat Sidek. International Journal of Islamic Thought.ISSN 2232-1314 Vol. 10: (Dec.) 2016) http://www.ukm.my/ijit/wp-content/uploads/2016/12/IJIT-Vol-10-Dec-2016_1_1-7.pdf.*

Berlandaskan pelbagai pandangan dan kajian di atas maka seorang pemerhati sejarah kedatangan Islam ke Malaysia itu menyimpulkan pula seperti berikut:

“Berdasarkan kepada beberapa fakta di atas, tidak dinafikan bahawa Islam telah diterima di Nusantara sejak zaman Rasulullah s.a.w dan zaman Khulafa’ al-Rasyidin lagi. Manakala pada zaman Kerajaan Bani Umaiyyah (661-750M) dan Bani `Abbsiyah (750-1258M), bukti-bukti yang lebih jelas tentang kedatangan Islam ke Nusantara telahpun menjadi kenyataan. Pada tahun 674 Masihi telah

wujud penempatan orang-orang Arab Islam di pantai barat Sumatera (T.W.Arnold, 1975: 367). Hall berpendapat kedatangan Islam ke daerah tersebut lebih awal daripada yang dicadangkan oleh Arnold (D.G.E. Hall, 1964: 190). Begitu juga terdapat penempatan orang-orang Arab Islam yang digelar "Ta-Shih" di Jawa sekitar tahun tersebut (Tibbetts, 1957: 8). Tarikh tersebut adalah berlaku pada zaman kerajaan Bani Umayyiah yang pada ketika itu diperintah oleh pengasasnya Mu'awiyah bin Abu Sufian (661-680M). Pada tahun 674 Masihi, beliau dikatakan bercita-cita menghantar armada Islam untuk menyerang Jawa tetapi terpaksa dibatalkan kerana wujud persefahaman dan pemulihan keamanan di antara kerajaannya dengan pemerintah Jawa yang biasa menemui Ratu Sima dari Kerajaan Kalinga (Ho-Ling) (S.Q.Fatimi, 1963: 69, Roland Braddell, 1951: 3). Selain itu terdapat catatan yang melaporkan bahawa Mu'awiyah pernah berusaha memonopoli perdagangan rempah supaya bekalannya tidak bergantung semata-mata kepada Dinasti Tang (Abdullah Ishak, 1990: 30). Mu'awiyah juga dilaporkan pernah menghantar utusan kepada Raja Sriwijaya, Lokitarman supaya memeluk Islam di samping membuat hubungan dagangan dengan Damsyik. Usaha dakwah Islamiyah di Nusantara dikatakan lebih berjaya pada zaman Khalifah 'Umar bin 'Abdul Aziz (717-720M). (Ahmad Shalaby, 1966: 170)." "Islam Di Nusantara". Prof. Dr. Abd Jalil Bin Borham.

http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/5329/1/ISLAM_DI_NUSANTARA.pdf

Nyatalah bermacam pihak telah merumuskan perihal kedatangan melalui perdagangan, sebagai kaedah pelbagai kegiatan para mubaligh dari Arab, China, India dan malah Campa yang datang ke mari serta bertemu dengan tamadun Melayu sedia ada dan yang telah mantap dengan pelbagai ciri serta institusinya sendiri. Justeru demikian Islam sebagai agama dengan aqidah dan amalannya harus berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan dari konteks dan struktur sosio-budaya Melayu untuk terserap masuk dan berkembang di dalam lingkungan peradaban Melayu dan Nusantara seluruhnya.

("Teori Kedatangan Islam Ke Tanah Melayu." Muhammad Khairi.

https://www.academia.edu/8414520/Teori_Kedatangan_Islam_Ke_Tanah_Melayu)

3. Islam dalam Konteks 'Semangat' Alam Melayu

Satu daripada cabaran kehadiran awal Islam di Alam Melayu ialah sistem kepercayaan asal Melayu yang berlandaskan kepercayaan kepada kuasa alam, yakni 'semangat'. Selari dengan itu ialah pegangan meluas dalam kalangan pemerintah Melayu akan agama Hindu serta Buddha. Gabungan kuat dan erat antara fahaman alami asli Melayu tentang animisme dan dinamisme kuasa alam

meluas dengan ajaran agama dari India yang memperkenalkan ketuhanan "personalised" (ada wajah dan rupa) dalam bentuk pelbagai dawa dan dewi dan susunan masyarakat yang bertingkat-tingkat, dari raja yang bersifat ketuhanan kepada masyarakat awam yang pelbagai kasta maka Islam berhadapan dengan tembok kepercayaan yang amat teguh.

Namun begitu, dari sudut penulisan sejarah kehadiran Islam di Alam Melayu, kelihatan agama itu dengan amat mudah terserap dan hanya melalui proses yang aman dan damai. *Hikayat Raja-Raja Pasai* dan *Suatussalatin* memerikan kedatangan Islam secara ajaib melalui mimpi raja dan kemudian memerintahkan para pembesar dan rakyat memeluk Islam. Maka kehadiran Islam itu adalah dalam proses penyebaran yang dilingkungi konteks serta struktur masyarakat dari golongan atasan ke bawah hingga rakyat. Kuasa golongan atasan dengan mudah menyerapkan ajaran Islam.

Kita tidak dapat menduga selama mana tempuh yang dilalui dalam proses penyebaran Islam itu, sehingga dapat dipegang dengan teguh dan mendalam. Pastilah tempuh proses pertumbuhan itu telah memakan masa yang teramat panjang. Barangkali penyebaran dari istana ke kawasan luar hingga ke perkampungan di hujung bandar dan luar bandar berlaku secara perlahan dan penuh tanda-tanya oleh penerimanya. Hal itu diduga sedemikian kerana sehingga ke hari inipun, dalam jangka 12 abad dari abad 8 hingga abad 21, Islam masih lagi perlu menjelaskan segala segi pengertiannya serta amalannya untuk dapat bertapak dan difahami di dalam konteks sistem kemasyarakatan dan kebudayaan Melayu di seluruh Alam Melayu. Bangsa Melayu sendiri hingga ini, sebagai pendukungnya dan yang menjadikan Islam sebagai unsur asasi dalam penakrifan bangsanya, masih terus mengalami proses 'pengislaman'. Malah pada ketika inipun masih ramai dari kalangan anggota dan kelompok bangsa Melayu yang masih tidak menerima sepenuhnya akan kebenaran serta segala anasir Islam sebagai ciri hakiki, wajar dan patut untuk menjadi asas dalam seluruh organisasi masyarakat Melayu.

Sejarah pertemuan corak hidup (addin) Islam dengan jaringan kebudayaan Alam Melayu memperlihatkan hubungan yang sering berselisih dan bercanggah, meskipun para negarawan dan pandakwah Melayu berusaha mencari jalan tengah yang harmoni dan mesra untuk menerima kehadiran unsur-unsur Islami, sambil memelihara tradisi budaya asli yang kurang Islami dan mengamalkannya secara gabungan sebagai kesatuan kepercayaan yang wajar dan sah.

Kita lihat misalnya sikap sinkretik ini masih berlaku sedikit masa dulu di zaman ini, seorang pawang Melayu memelihara kepercayaan terhadap 'semangat' padi, yang diambil dari tuaian segemal batang padi yang terbaik dan dibawa pulang serta disimpan dalam bedungan kain di dalam kepek padinya. Pada masa sama dia meraikan keberhasilan padinya dengan doa dan kenduri beras baru secara Islami dan memohon berkat dari Allah.

Maka dalam tempuh 1000 tahun lebih kehadiran Islam itu, hanya beberapa kaum Melayu dari kalangan bangsa serumpun bahasa Malayo-Polinesia, yang berjaya diislamkan. Hanya kaum yang besar dan berkuasa menerima Islam seperti Melayu, Jawa, Minangkabau, Aceh, Bugis, Sunda, Sulu, Cam serta beberapa golongan kecil yang lain. Banyak yang tidak terangkum dalam lingkungan Islam seperti pelbagai kelompok Orang Asli, rumpun Melayu-Dayak dan Orang Dusun-Kadazan di Kalimantan (Borneo), Melayu proto di Sumatera dan sekian banyak penduduk laut di sekitar Kepulauan Melayu seperti Orang Laut dan Bajau. Dalam rangka satu millenium pendakwaan Islam berhadapan pelbagai tentangan, rintangan serta persaingan aliran agama yang dilalui hingga kini.

Sejarah kehadiran orang Islam telah direkodkan sejak zaman Dinasti Tang di China yang merakam kedatangan pedagang Timur Tengah di zaman Shih-li-fo-shi (Sriwijaya) dan Holing (Kalinga) di Jawa pada tahun 674M, yakni di zaman Khalifah Ali hingga Khalifah Muawiyah. Diceritakan juga bahawa kaum Lor dari Farsi pernah bermastautin di Kudus atau Loram serta Grisik pada abad 10M. Terjumpanya sebuah batu nisan Fatimah binti Maimun bin Habatallah di Gresik bertarikh abad 10M menjadi bukti kepada kehadiran kaum Farsi di Jawa.

Catatan Marco Polo pada 1292 yang melalui Perlak (Sumatera) dari China merakam tiga kelompok manusia di sana; 1. China Muslim, 2. Orang Farsi Muslim, 3. Orang tempatan di pedalaman yang menyembah semangat pokok, batu dan alam. Marco Polo menyaksikan bahawa:

"Kingdom of Ferlec (Perlak)" - "This kingdom, you must know, is so much frequented by the Saracen merchants that they have converted the natives to the Law of Mohammed — I mean the townspeople only, for the Java hill-people live for all the world like beasts, and eat human flesh, as well as all other kinds of flesh, clean or unclean. And they worship this, that, and the other thing; for in fact the first thing that they see on rising in the morning, that they do worship for the rest of the day". (Wali Songo, Wiki)

Seratus tahun selepas Marco Polo, maka Laksamana Zeng He dari China pula telah datang ke Jawa pada 1405M dan singgah di Tuban. Di sana beliau menemui 1000 orang China Muslim. Demikian pula di Berisik dan Surabaya. Dalam pelayarannya yang ke-7 (terakhir) Zeng He ke Jawa pada 1433M dia membawa bersama jurutulis Ma Huan yang merakam bahawa terdapat penduduk Muslim China dan Arab di pantai utara Jawa tetapi penduduk tempatan masih lagi mempercayai kuasa alam (animisme) pada batu, hutan dan hantu.

Ada awal abad ke 15 dikatakan Maulana Malik Ibrahim dan anak-anaknya telah berpindah dari Campa ke Tuban, Jawa. Di daerah itu juga Malik Ibrahim dikebumikan kemudiannya pada 1419. Selepas itu dua orang anaknya telah menuju ke Majapahit untuk bersama dengan ibu saudaranya, Puteri Dwarawati, yang menjadi permaisuri Majapahit. Mereka kemudian diangkat menteri di Majapahit dan menjadi pedakwah Islam dengan gelaran Sunan Ampel. Golongan sunan inilah yang terkenal sebagai 'wali songo' yang menyebarkan Islam di tanah Jawa dalam konteks agama Hindu yang amat tebal di dalam kalangan pemerintah dan masyarakat di Jawa.

Demikian juga penyebaran Islam dalam kalangan bangsa Melayu baik di Sumatra mahupun di Semenanjung dan pulau Borneo, adalah berhadapan dengan jaringan kehidupan Hindu dan Buddha. Maharaja Sriwijaya di Palembang yang bermula pada abad 7M merupakan penaung pusat ilmu dan pengajian Buddha dengan 1000 orang ketua agama hidup di vihara mereka. Demikian pula, Maharaja Sriwijaya dari keturunan Jawa Shailendra membina tugu agama yang terbesar di Alam Melayu dan dunia, Borobudur pada abad 9M sebagai petanda kekuatan agama itu di pusat-pusat kuasa rantau Alam Melayu yang beragama Buddha Mahayana.

Borobudur: The temple consists of nine stacked platforms, six square and three circular, topped by a central dome. It is decorated with 2,672 relief panels and 504 Buddha statues. The central dome is surrounded by 72 Buddha statues, each seated inside a perforated stupa. (Wiki)

Demikianlah pegangan terhadap kepercayaan Buddha berbaur dengan animisme Melayu yang asal sehingga menjadikannya terkenal sebagai Buddha Vajrayana atau Tantri, yang hampir sama dengan pegangan agama Buddha di Tibet dan Nalanda di

India. Aliran Tantri ini berbaur erat dengan kepercayaan tempatan Melayu sehingga dapat membezakannya dari aliran utama seperti Mahayana atau Hinayana.

“Tantric school of Mahayana Buddhism, with its magical procedures for achieving supernatural ends, had reached Palembang before the end of the 7th century. Tantric Buddhism came into prominence in India only in the 7th century, and the synchronism of its appearance in Palembang reflects not only the regularity of shipping contacts between Sumatra and India but, more important, the Malays’ quick perception of Tantrism as a source of personal spiritual power. The word for “curse” in the inscriptions is Malay, and it is reasonable to suppose that the Malays grafted Tantric techniques onto indigenous magical procedures. The prestige that was accorded the sacred Seguntang Hill, a site visited by those in search of spiritual power, probably also reflects the vitality of Malay religion; it is unlikely that the site would have become such a spiritual centre merely as a result of traffic in Tantric conceptions during the 7th century.” (Wiki)

Kehadiran yang lebih teguh serta berwibawa Islam barangkali berlaku pada abad 13 di Pasai (Aceh). Penyebaran Islam *sunni* melalui perdagangan dan sufisme oleh pendakwah Arab dan India berkembang pesat dengan kemunculan Melaka sebagai Kuasa pada awal abad 15M sehingga seluruh Alam Melayu, dari Aceh ke Pulau Maluku dan Campa ke Mindanao menerima Islam dalam kalangan pemerintah dan pembesar mereka. Jawa turut membina jaringan itu dan meruntuhkan hampir semua pusat kerajaan Hindu-Buddha kecuali di Pulau Bali.

Keupayaan Islam untuk menggantikan agama dan kepercayaan asli Melayu barangkali adalah kerana sifat aqidah dan ibadah Islam yang lebih akhlah, rasional, tidak terlampau magis dan amat kurang istiadat dan susunan kemasyarakatan yang amat egalitarian – sama rata – di mata masyarakat. Hanya darjah keimanan yang membezakan manusia sebagai mulia dan dihormati. Keadaan itu membuka semua manusia kepada kemungkinan untuk naik menjadi orang diredhai Allah, walaupun dari kalangan miskin dan hamba kepada manusia lain. Namun keimanan Islam tidak pula memunculkan golongan bangsawan agama seperti golongan Brahmin di zaman Hindu, Brahmin adalah golongan agamawan yang amat dimuliakan dan terasing dari golongan dari kalangan awam yang biasa. Pergaulan mereka adalah ditegah sama sekali kerana akan mencemar kesucian golongan Brahmin.

Dalam konteks agama Hindu-Buddha, raja Melayu sudah meningkatkan kedudukannya untuk menjadi bahagian ketuhanan (divinity – kedewaan), dalam bentuk ‘boddhisattva’ dan bertanggung jawab untuk kesejahteraan rakyatnya. (*In*

Mahayana and Vajrayana Buddhist thought, a bodhisattva is a being who is dedicated to achieving complete Buddhahood. Wiki). Demikianlah gabungan pelbagai aliran agama dan kepercayaan itu membentuk suatu konsepsi kedaulatan raja Melayu berlandaskan ketuhanan Hindu-Buddha, yakni dewa-raja (god-king).

“The royal role on earth was similar. The kings, not the religious elite, bore the responsibility of ensuring that all could worship the gods, whether under Indian or Indonesian names. Every god in the land was either a manifestation of Shiva or a subordinate member of Shiva’s pantheon, and worship therefore implied homage to the king, who was part of the god. The growing together, as a result of Tantric influences, of Shaivism and Mahayana Buddhism meant that over the centuries the divine character of the king was continually elaborated. His responsibility was the compassionate one of maintaining his kingdom as a holy land.” (Brittanica)

Berhadapan dengan sistem kekuasaan yang amat kuat pada tangan raja dan pembesarnya itu maka Islam yang datang bersama jalan perdagangan harus dapat mengembling pula kuasa mistik, sufisme dan tariqahnya untuk dapat menerobosi tembok agama Hindu-Buddha dan animism Melayu. Kekuatan ilmu sufi, tariqah, sawwuf serta tariqah Islami itu barangkali membantu para ulama menghampiri raja-raja yang masih terikat kuat dengan kedudukan ketuhanan hindu mereka (divinity) mereka atau sekurang-kurangnya harus mengamalkan pelbagai upacara kehinduan dan cara memelihara semangat untuk menegekalkan status kemuliaannya di mata rakyat. Demikianlah, ketika Melaka itu di datangi oleh para makhdum dan sheikh untuk menyebarkan agama, perbuatan para makhdum Islam adalah amat ganjil dan luar biasa: kenapa mereka tonggang-tonggit? Tanya orang Melaka (*Sejarah Melayu*).

Pertembungan Islam dan konteks kebudayaan Melayu, pada akhirnya melahirkan semacam pergabungan antara kalangan tokoh agama, para pembesar pemerintah dan tokoh-tokoh kepercayaan dalam masyarakat dan pemerintahan negeri Melayu. Wujudnya tokoh-tokoh kepercayaan seperti dukun, pawang dan bomoh bersama para pembesar negeri seperti Bendahara, Temenggong dan Shahbandar serta pelbagai amalan hukum adat serta istiadat di dalam negeri, bersama tokoh-tokoh agama seperti kadhi, mufti, lebai dan sheikh, masing-masing mereka melaksanakan peranan dalam masyarakat dalam rangka kepercayaan dan asas keyakinan yang sama, terpadu dalam satu susunan kepercayaan yang bersifat sinkretik (gabungan pelbagai aliran kepercayaan).

Namun ketuhanan Islam – Allah, para malaikat dan nabinya - menjadi kuasa utama dalam suatu susunan worldview dan kosmologi yang memadukan unsur-unsur asli Melayu sebagai asasnya. Unsur-unsur lain dalam kosmologi itu terdiri dari golongan kuasa bawahan dari unsur kepercayaan dan pandang alam Melayu, seperti hantu, jembalang, langsuir serta pelbagai lagi namanya. Keadaan itu berkekalan hingga kini, namun telah menjadi semakin berkurangan kerana proses komunikasi agama dan pengajaran ilmu Islam sebagai proses pengislaman dalaman bagi masyarakat, telah yang semakin pesat serta intensif.

Dalam konteks Islam, kedudukan raja sebagai ketua negara sudah menjadi lebih rasional. Kedudukan, kekuasaan, kedaulatan, peranan serta fungsinya difahami dengan praktikal sebagai ketua pentadbir negara yang disahkan oleh agama Islam. Asas kesahihan raja dan kerajaan oleh agama ini, hanya menjadi raja sebagai 'bayangan Tuhan di bumi' (zillullah fil-ardh). Dia bukan lagi sebagai 'tuhan' (dewa) itu sendiri atau sebagai 'dewaraja' (raja-tuhan / god-king) yang menjelma dalam kalangan masyarakat manusia untuk kesejahteraan manusia.

Maka Islam menolak fungsi magis dan devinity (ketuhanan) agama Hindu-Buddha sebagai unsur kepimpinan manusia di muka bumi dan dalam kalangan masyarakat manusia. Rasionaliti inilah yang mendorong serta menjadikan Islam sebagai unsur keyakinan yang teguh serta padu di dalam minda serta seluruh amalan acara dan upacara dalam masyarakat Melayu, sehingga dapat mengatasi rintangan animisme, Hinduisme dan Buddhisme. Maka zaman kewujudan manusia dalam alam fizikal dan temporal tidak lagi keghaiban magis dari kayangan tetapi adalah rasionaliti akal manusia yang dipandu oleh ajaran agama yang turun melalui para nabi dari perintah Tuhan - Allah.

4. Pertembungan Dengan Kuasa Eropah Abad 15

Kemuncullan pelabuhan besar seperti Melaka pada abad 15M yang mewarisi Sriwijaya, dalam jaringan laluan perdagangan timur-barat telah menghimpun pula para pedagang segala bangsa terutama Islam di sekitar Alam Melayu. Dengan tujuan yang sama untuk mendapat perdagangan rempah, logam emas-perak serta barangan laut dan pertukaran dengan hasil timur-barat terutama kain dan barangan seremik (pinggan-mangkuk) serta alatan teknologi maka perhimpunan dan pertukaran perdagangan di Melaka itu telah menarik perhatian para pedagang di

Negara-negara jauh. Pengetahuan tentang adanya 'emporium' timur itu kedengaran juga di Barat, di Eropah melalui hubungan dagangan India, Arab dan Eropah di Venice (Itali). Kisah itu telah mendorong mereka untuk mencari jalan ke Timur untuk mendapatkan barangan rempah yang amat tinggi nilainya, seperti emas itu.

Oleh kerana jalan perdagangan ke Timur terutama China telah tertutup oleh penaklukan kuasa Islam di Istanbul pada pertengahan abad 15, maka perseteruan dan pergolakan pergolakan antara Muslim dan Kristian di jazirah Arab sejak Perang Salib pada kurun 11M-13M telah menghalang mereka untuk mendapatkan sumber barangan timur. Dengan tertutupnya jalan sutera Eropah-China kerana kejatuhan kota Holy Roman Empire di Konstantinopal (Istambul) ke tangan Muslim Turki pada 29 Mei 1453 maka Eropah berusaha keras untuk mencari jalan laut ke timur. Bekalan rempah yang nilainya seharga emas di pasaran kota Venice itu menjadi pendorong cukup kuat untuk penerokaan jalan laut.

Meskipun dorongan asasi pelayaran Eropah ialah perdagangan untuk mencari rempah dan kekayaan emas, namun tatkala mereka bertembung dengan timur di Afrika, Arabia dan India dan memerhatikan kekayaan negara-negara yang dikuasai oleh pedagang Muslim di sepanjang laluan itu, dan mendengar pula berita-berita pelabuhan di timur jauh adalah diperintah juga oleh raja atau sultan Muslim maka niat mereka beralih menjadi azam keagamaan untuk memerangi Islam dan menyambung perjuangan Perang Salib. Niat beginilah yang berterusan di dalam kalangan bangsa Eropah sehingga abad 18 dan 19M, dan mereka berlumba-lumba untuk menakluk negara timur terutama di Asia Barat yang menjadi pusat tamadun Islam, sebagai membalas kekalahan mereka di zaman Perang Salib (perang sabil-holy wars) pada abad 11-17M dengan kejatuhan Jerusalem ke tangan Islam. Dengan penemuan jalan baru itu, mereka ingin pula membawa peradaban Kristian ke seluruh dunia sambil berdagang.

"The most well known are those fought against the Muslims of the eastern Mediterranean for the Holy Land between 1096 and 1271. Crusades were also fought from the 12th century against the Iberian Moors, the Ottoman Empire and for a variety of other reasons. These included fighting pagans, the suppression of heresy and the resolution of conflict between Catholic groups."
(Crusade- Wiki)

Demikianlah semangat serta niat perang salib itu sentiasa berkobar dan terbawa-bawa dalam kalangan penganut Kristian terutama Katholik dari Eropah yang datang

ke Timur dengan 'mission' keagamaan itu. Malah di zaman moden pun, seperti perang Napoleon di Mesir pada hujung abad 18 (1798–1801) adalah kerana semangat perang salib.

"This was the moment of destiny Napoleon had sought. After describing his battle plan to his officers, he gestured dramatically toward the pyramids and proclaimed, "Forty centuries of history are looking down on you." O'Brien Browne. <https://www.historynet.com/napoleons-desert-storm.htm>

Melaka menjadi pelabuhan akhir dalam rangkaian jalan perdagangan di Lautan Inda. Di situlah segala macam rempah ratus dari pulau Hindia timur, emas dan timah dari Semenanjung Emas, sutera dan teh dari China dan pelbagai hasil hutan dan laut yang diperdagangkan dan bertukar tangan. Melaka menerima 15000 pedagang dari pelbagai bangsa dan negara – Siam, China, Arab, Farsi, India dan sekalian pedagang dari kepulauan Alam Melayu. Pemerintahannya amat terbuka kepada perdagangan dan bebas dari pelbagai peraturan; pelabuhannya teduh dari ribut dan taufan. Di situ juga berlaku pertemuan angin musim untuk belayar ke timur dan ke barat – pelayaran ke atas dan ke bawah angin.

Pentadbiran Bendahara yang bijaksana Tun Perak (1456- 1498) telah mengamankan Melaka dari segala serangan Siam dan membina hubungan baik dengan Majapahit serta seluruh Kepulauan Melayu. Maka Islam berkembang ke serata wilayah di bawah takluknya di Johor, Pahang, Perak, Seangor, Kedah dan Trengganu serta pantai barat Sumatera. Demikian pula pelbagai wilayah lain hingga ke Brunei dan Sulu, Campa dan Jawa dan Sulawesi serta Maluku dan Ternate mula menerima Islam pada ketika itu hasil dari kontak dengan Melaka.

Pelabuhan ternama Melaka mendatangkan pula malapetaka dalaman dengan pergolakan pemerintahan Raja yang hilang akal pertimbangan dan mendengar hasutan para pedagang luar terutama dalam kalangan India. Melaka telah bertemu pula dengan mimpi pedagang Eopah seperti Portugis untuk mendapatkan kekayaan dari dagangan rempah. Melaka akhirnya gugur dalam pertembungan gelagat zalim rajanya dengan niat penaklukan Eropah. Demikianlah Islam-Melayu bertembung dengan teknologi perang kuasa Barat yang sudah maju dari pengambilan segala ilmu pengetahuan serta kepandaian Islam dari sejak Perang Salib pada awal kuru 11M terutama di zaman Islam di Kordoba dan Alhambra, Sepanyol.

Perkembangan Islam dalam masyarakat kota seperti Melaka berlaku melalui pengajaran oleh tokoh-tokoh agama seperti kadhi atau makhdum dan para pembesar belajar dari guru-guru yang datang dari luar negara sehingga dapat melahirkan kepakaran tempatan yang menjadi guru dan ketua agama dalam negara yang diantik oleh sultan. Malah sultan sendiri menjadi tauladan akan amalan Islam dengan memenuhi pelbagai acara dan istiadat resmi dalam takwin Islam.

Tetapi dalam kalangan rakyat pula, kita tidak pasti sama ada wujud tokoh agama seperti imam kampung untuk membimbing dan mengurus masyarakat. Barangkali penghulu dan ketua kampung memainkan peranan agama itu untuk mengajar hal ehwal Islam. Yang pasti ialah amalan agama adalah gabungan dengan amalan animism, yang mengandungi segala anasir zaman lampau dari pra-hindu, Hindu dan Buddha.



Empayar Melaka pada 1500 (*Encyclopædia Britannica, Inc.*)

Perbauran itu melahirkan kepercayaan Melayu yang tidak lagi disadari atau difahami akan asal usulnya. Banyak amalan tradisi Melayu di kampung adalah

berbentuk adat yang diwarisi dari zaman pra –Islam itu. Kehidupan yang sinkretik ini berlansung tanpa gangguan dari pimpinan agama yang berada di kota. Malah tokoh kepercayaan tradisi seperti pawang, dukun dan bomoh menjadi sumber tenaga di dalam masyarakat kota dan istana. Dengan demikian cukup banyak amalan kepawangan, perbomohan dan perdukunan terus hidup menjadi bahagian dari corak kehidupan adat dalam masyarakat.

Pelbagai amalan itu kemudian dapat dipisahkan dari amalan asasi rukun agama Islam oleh pengajaran para guru agama yang bergerak secara bersendirian dalam seluruh masyarakat. Demikianlah Satu contoh perbauran upacara, adat dan kepercayaan dapat dilihat pada amalan perubatan tradisional seperti 'berbagih', 'berkebas', 'berayun' dan 'main puteri'. Adat atau upacara perubatan itu adalah merupakan adat dan upacara yang amat utama dalam system pengubatan Melayu tradisional, untuk mencapai kesihatan dan kesejahteraan anggota masyarakat, dan menjadi kemahiran yang tertinggi bagi pengamal perubatan tradisional itu. Tidak ada pengetahuan perubatan Islam yang telah ada lebih rasional meskipun pelbagai Kitab Tib dari tradisi Islam dalam kalangan alim-ulama Melayu dan kemudian tersebar meluas dalam pelbagai golongan masyarakat.

Jadi pada zaman kemunculan Eropah di Alam Melayu yang pada awalnya didorong oleh perdagangan tetapi memunculkan juga kemudiannya pelbagai perselisihan serta pergaduhan antara mereka dengan kerajaan Melayu dan para pedagang asing, hingga membawa kepada peperangan dan kejatuhan negeri. Pentadbiran asing dari Eropah seperti Portugis itu telah diikuti pula oleh para pendakwah Kristian yang mendesak agar pengembangan agama itu berlaku. Terdapat usaha untuk menyebarkan agama Kristian kepada umat Islam Melayu tetapi ternyata berlaku sementara dan tidak mendapat sambutan. Maka gerakan Kristian kemudian menumpukan dakwah kepada kaum asli bukan Muslim yang masih lagi dengan kepercayaan animism ataupun beragama Hindu seperti di Jawa.

Oleh kerana kehadiran awal Eropah seperti Portugis dan Belanda di Melaka adalah lebih bersifat pentadbir-pedagang yang menumpukan perhatian kepada usaha menguasai hasil dagangan terutama rempah dan logam timah bagi perdagangan negeri mereka, maka daya mereka ke arah pengembangan agama adalah terbatas. Namun kehadiran kuasa pemerintah Eropah itu menjadi asas dan kerangka untuk memudahkan kedatangan para 'missionary' Kristian seperti St Francis Xavier from 1545 to 1552 dan golongan *Jesuits*. Namun tidak banyak yang berlaku

dari sudut pengkristianan orang Melayu terutama kerana di antara missionary itu lebih ramai berminat pergi ke China untuk tugas dakwah di sana.

Tambahan pula, dukungan kuat 'orang Melayu' terhadap agama Islam adalah terkait rapat dengan jaringan hubungan pemerintahan, diplomasi dan perdagangan Melayu di rantau Alam Melayu sehingga menjadikan Islam sebagai taraf yang mulia dan tinggi. Proses 'masuk Melayu' adalah masuk Islam dan membawa pengenalan sebagai manusia beradab dan beradat. Hal ini adalah amat penting kerana keagungan Melayu, Melaka dan Islam merupakan pengenalan atau identiti yang membawa makna beradab dan beradab terutama dalam kalangan kaum pedagang negeri asing yang jauh dari kota serta adab Melaka. Maka muncul 'bangsa Melayu' sebagai identiti dan petanda peradaban yang amat meluas serta merangkumi wilayah Sumatera, Kalimantan, Kepulauan Sulu dan Nusa Tenggara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai saluran mengembang agama Islam ke seluruh rantau Alam Melayu. Dalam keadaan ini juga berlaku persaingan antara identiti Melayu dan bukan Melayu terutama Jawa dalam kalangan pusat-pusat kuasa di seluruh Kepulauan Melayu.

Kejatuhan Melaka di tangan Portugis memberi tamparan yang amat pahit dan hebat kepada bangsa Melayu dan Islam dan membawa kepada tiga implikasi besar:

- i. Berpindahannya para pedagang Islam dari Melaka ke pelabuhan lain seperti Jambi, Aceh, Jawa, Brunei dan kepulauan yang lebih jauh dari Melaka. Perpindahan itu mengembangkan pula agama Islam dipelbagai pelabuhan itu dan masyarakat setempat.
- ii. Orang Eopah seperti Portugis dan kemudian Belanda dipandang buruk kerana niat mereka untuk berniaga seperti yang dinyatakan ketika mereka datang hanya helah untuk melindungi niat penaklukan. Sikap itu lebih-lebih lagi teruk dikenakan terhadap Belanda kemudiannya yang sering menjadi bidalan buruk yang bermakna 'palsu' seperti 'paku Belanda', 'durian Belanda' dan 'Belanda dapat tanah'. Maka perkembangan agama Kristian tidak mendapat tempat di mata orang Melayu di mana Islam telah berkembang dan bertapak.
- iii. Munculnya negeri-negeri Melayu baru yang dikuasa oleh raja-raja Islam di Alam Melayu dan menjadi pendorong kepada perkembangan agama serta pejuang agama terutama di Jawa, Sumatera dan Makassar/Bugis serta Kalimantan. Para pemimpin di negeri-negeri inilah kemudiannya menjadi pejuang menentang kemaraan Belanda di Kepulauan Melayu.

Namun di sepanjang tempuh kehadiran Eropah itu, kerajaan-kerajaan Melayu yang sebenarnya mengalami keruntuhan dan kemunduran. Desakan politik dan taklukan Beanda misalnya, dan kemudian Inggeris dengan membenarkan kemasukan beramai bangsa asing seperti India dan China, melemahkan keupayaan sistem politik bangsa Melayu yang bersifat 'fragmented' (retak seribu). Sistem itu tidak berupaya mengatasi kehadiran bangsa Eropah seperti Portugis dan Belanda senrta Inggeris. Maka tempuh penjajahan Eropah dari zaman kedatangan Portugis pada tahun 1511 hingga kepada kehadiran Inggeris pada abad 19 adalah tempuh kelemahan dan keruntuhan negeri dan kekuasaan Melayu yang baru muncul, tetapi saling bertempur dan berperang sesama sendiri serta berselisih untuk saling mengatasi bagi menggantikan keagungan kedudukan Melaka yang sudah tertaluk oleh Portugis.

Dengan demikian empat natijah muncul selepas kehadiran Eropah dan jatuhnya Melaka:

- i. Munculnya pelbagai negeri baru yang bebas dari pengaruh kuasa terpusat Melaka.
- ii. Persaingan antara pusat-pusat kuasa baru, dan Aceh muncul untuk menggantikan Melaka dan saling berperang dengan negeri-negeri lain di Selat Melaka.
- iii. Berkembangnya Islam sebagai pendorong baru untuk mencari kesatuan 'jihad' bagi menentang 'kafir' tetapi tidak berupaya menyatukan tenaga negeri-negeri Meayu.
- iv. Perkembangan kuasa Islam di wilayah lain diluar Melaka mendorong penaklukan dan perluasan kuasa Islam melalui peperangan dan persingan seperti di Jawa dan Lautan Sulu (Mindanao).

Perpindahan para pedagang ke seluruh rantau kepulauan Melayu menyebabkan Melaka di bawah Portugis menjadi lemah. Pentadbiran Portugis terpaksa bertahan dari pelbagai serangan kuasa-kuasa Melayu pewaris kerajaan Melayu, yakni Johor, Aceh dan sekutu mereka. Maka kmudiannya menjadi pelabuhan yang ketinggalan dari didatangi para pedagang.

Namun kehadiran Portugis juga menarik keinginan kuasa lain Eropah untuk menjelajah ke timur. Demikianlah Belanda mula hadir pada akhir kurun 16. Dengan

kedatangan Belanda pada 1602, telah menubuhkan Syarikat Perdagangan Belanda Timur (VOC) dan berusaha memonopoli perdagangan di Hindia timur (Indonesia). Sementara itu Aceh muncul sebagai kuasa terkuat untuk mencabar Portugis dan sering memerangnya di Melaka. Namun kerana keinginan untuk mengisi kekosongan kuasa yang ditinggal Melaka menyebabkan Aceh sentiasa berperang dengan negeri-negeri Melayu lain termasuk Johor, Pahang, Jambi dan Kedah. Konflik sesama Islam-Melayu itu tidak dapat mengembling tenaga Islam dan melepaskan Portugis dari kekalahan dan mewarisi kerajaan Melaka; Sultan Mahmud pun mangkat dalam pelarian di Siak pada 1528. Hanya apakala Belanda telah muncul pada awal abad 17M maka Portugis dialahkan dengan bantuan Johor yang selama itu merupakan musuh utama Portugis. Hal itu membolehkan Belanda berkuasa di Melaka dan Selat Melaka dengan niat memonopoli perdagang serta hasil Tanah Melayu terutama bijih di Perak. Belanda berusaha untuk mengembalikan kemasyhuran Melaka tetapi tidak berjaya berbuat demikian.

Kesultanan baru seperti Riau-johor, Kedah dan Brunei yang muncul dari kejathan kuasa Melaka menerima sebahagian dari pedagang Melayu-Islam yang meninggalkan Melaka dan sekaligus juga meluaskan perkembangan Islam kepada penduduk pesisir dari kalangan rumpun Melayu seperti Orang Asli, Dayak dan Orang Laut dan Bajau yang dapat menerima Islam; para penduduk pedalaman tidak berbuat demikian, terutama di pedalaman Borneo. Kesultanan Brunei melebarkan kuasa ke selatan pulau Borneo di kawasan pesisir, dari utara sehingga Sambas di selatan. Namun orang-orang Dayak terutama Iban, Kayan, Murut yang amat agresif dengan budaya 'ngayau - headhunting' yang telah berhijrah ke pedalaman Borneo dari Sumatera dan masuk ke Sarawak pada abad 16 Mserta kekal dengan budaya animis asli mereka. Dalam pada itu utara Semenanjung dimasuki pula oleh kuasa Siam yang mengekalkan pengaruh ke atas negeri-negeri Melayu utara.

Dalam segala itu, maka gerakan Islam terbantut kecuali dengan munculnya tokoh-tokoh terkenal di Pattani yang terpaksa menentang kuasa Siam dari luar negeri terutama yang membawa diri ke negeri Islam Arab untuk mendalami ilmu Islam serta berusaha mendorong umat Melayu di selatan Siam itu meneguhkan agama sambil memberi penentangan terhadap kuasa Siam. Di Hindia Timur (kemudian Indonesia), Belanda memperluaskan kuasa dengan campur tangan ke dalam pelbagai kegiatan ekonomi, kerajaan dan malah kehidupan agama negeri-negeri Melayu di sepanjang pada abad 16 hingga 18M itu. Satu persatu Belanda

menekankan kuasanya ke atasa negeri-negeri yang saling berselisih sesama sendiri dan kemudian menentang Belanda pula. Pelbagai peperangan yang dikenakan oleh penduduk setempat seperti di Jawa, Makassar, Aceh dan Minangkabau menentang Belanda akhirnya membolehkan Belanda menguasai seluruh Indonesia melalui strategi peralagaan antara negeri, antara pemegang kuasa dan juga penguasaan adat dan budaya negeri-negeri yang terlibat.

Barangkali puncak peperangan itu ialah perjuangan Aceh (1873-1904) menentang Belanda sehingga abad 20 ketika Perang Dunia I meletus. Pelbagai peperangan lain seperti perlawanan Imam Bonjol di Minangkabau (1803-1838) dan juga Pengeran Diponegoro (1825-1830) adalah peperangan agama yang telah digerakkan oleh para tokoh ulama dan pemimpin Islam sehingga Belanda terpaksa melakukan penelitian yang amat mendalam akan kewujudan hukum adat, peranan Islam serta pelbagai tokoh masyarakat yang mendukung system itu untuk dapat memahami struktur sosio-budaya dan kelemahan masyarakat Islam. Melalui peralagaan antara tokoh agama dan adat dan kemudian kerahan sepenuhnya angkatan tentera maka Belanda yang hanya merupakan Syarikat Perdagangan Berpiagam (Chartered Company) dapat menguasai Indonesia sebagai koloni yang amat bernilai.

Pengalaman penjajahan terhadap kuasa politik Melayu-Islam seperti inilah yang telah menjadi tembok yang merintang perkembangan Islam di Alam Melayu, khususnya di Tanah Melayu dan Hindia Timur. Persaingan dengan kuasa pemerintahan penjajahan merupakan sekatan yang amat menindas dan memecah-belahkan bangsa serta keupayaan Islam meskipun Islam itu adalah sebuah aqidah agama yang utuh serta padu. Keadaan itu lebih-lebih lagi ketara ketika British masuk sebagai penguasa dan pemerintah meskipun status mereka adalah sebagai 'protector' dan 'advisor' dan status negeri-negeri Melayu adalah 'protectorate' sahaja.

Persaingan para pembesar di dalam negeri-negeri pun telah menambahkan ketidak-stabilan pentadbiran negeri dan dengan mudah porak peranda berlaku di dalam pelbagai perselisihan itu. Ketidak-stabilan sistem politik ini kemudian telah menyebabkan pihak-pihak yang bertelagah dari kalangan raja-raja dan pembesar-pembesar meminta bantuan British untuk mengamankan perebutan kuasa dalam kalangan mereka dan dalam usaha membentuk keamanan itulah British campur tangan di dalam pemerintahan negeri-negeri Melayu dengan mengenakan nasihat

yang wajib diterima oleh raja-raja Melayu kecuali dalam hal agama Islam dan adat isyiadat Melayu.

Kemasukan kaedaha pentadbiran Eropa – British dan Belanda – ke dalam sistem sosio-politik Melayu telah melahirkan sengketa dan perselisihan antara keduanya. Pergolakan telah muncul di dalam pelbagai bentuk penentangan, perselisihan adat raja dan rakyat Melayu terhadap dasar kuasa penjajahan di Hindia Timur (Indonesia) dan Tanah Melayu. Kekacauan mendorong berlaku penghijrahan manusia ke arah kedua-dua wilayah besar ini. Ramai penduduk Jawa, Bugis, Minangkabau, Melayu dan sebagainya berhijrah untuk mengelakkan atau mencari penghidupan baru yang lebih aman. Belanda bertindak lebih keras dan kejam sehingga mendorong penduduk Jawa dan Sumatera berpindah ke Tanah Melayu mencari perlindungan di bawah raja-raja Melayu.

Penghijrahan itu termasuk juga golongan bangsawan untuk mencari perlindungan ataupun mengelak dari penindasan Belanda. Sebilangan kecil pula datang dengan jemputan pembesar Melayu yang sedang berperang sesama saudara dan memerlukan bantuan luar seperti Bugis. Dalam keadaan demikian yang membuka kesempatan untuk pembesar luar itu masuk menjadi pemerintah di negeri Melayu. Di bahagian lain kepulauan Melayu terutama Sumatera dan Borneo para pedagang Arab turut juga berhijrah dan membawa bersama mereka ilmu Islam yang membuka peluang untuk masuk ke dalam keluarga di raja dengan mengahwini puteri raja-raja. Sebagai menantu ramai pula pedagang Arab menjadi pembesar negeri dan kemudiannya mewarisi tahta kerajaan negeri seperti di Siak, Johor, Sarawak dan Borneo Utara. Pembesar dan perwira Bugis bertapak pula di Kalimantan Barat, Sarawak dan kemudian kepulauan Riau serta Johor sejak pertengahan abad 17 membolehkan mereka menjadi pejuang untuk menentang penjajah Belanda dan sebahagian mereka menjadi raja di negeri-negeri Melayu.

Kehadiran kuasa dari daerah lain Alam Melayu itu membawa manfaat dengan pengislaman mereka dengan lebih mendalam. Mereka kemudian menjadi pejuang anti penjajahan di negeri-negeri Melayu.

Tanah Melayu telah menjadi penerima kepada penghijrahan dari Hindia Timur itu. Meskipun berlaku penghijrah yang berterusan namun penduduk Tanah Melayu masih juga tidak cukup padat. Ketika British masuk untuk menadbir negeri-negeri Melayu sejak abad 18 dan hujung 19M objektif mereka lebih kepada penguasaan sumber alam yang banyak terutama bijih. Mereka telah membuka lombong yang

kemudian menggalakkan pula pendatang boroh China yang menghadapi kemiskinan, kelaparan dan penindasan di negeri mereka. Kemasukan yang tidak dikawal itu kemudian merobah lansung sifat kependudukan Tanah Melayu sehingga menjadi apa yang disebut sebagai 'plural' atau majmuk – kehadiran pelbagai kaum tanpa berpadu dalam satu kesatuan social dan politik; dan malah berpecah ke dalam kelompok kaum masing-masing hingga kini.

Penguasaan British serta Eropah di Tanah Melayu bukan sahaja ke atas sistem tadbiran bahkan juga ekonomi, perdagangan dan juga kehidupan Bandar. Tanah Melayu berpecah menjadi bandar asing berorak kolonial dan China dan perkampungan Melau di luar bandar dengan corak hidup yang terasing serta ketiggalan di dalam alam tahayyul serta animism kuno.

Walaupun perjanjian terawal raja Melayu dengan British ialah Perjanjian Pangkor 1874 yang menyelesaikan pertelingkahan kuasa antara pelbagai penuntut kuasa di Perak dan menentukan bahawa British tidak masuk campur dalam hal ehwal agama dan adat Melayu, dan segala nasihat British hendaklah dilaksanakan. Namun syarat di atas itulah yang telah membawa kesan terburuk ke atas masyarakat Islam-Melayu. Pentadbir British menguasai pentadbiran, kewangan dan segala hasil cukai. Kawalan ini yang menjerat dan meminggirkan perkembangan Islam kerana hasil negeri tertumpu kepada kesejahteraan Bandar, komunikasi antara Bandar dan segala macam kemudahan sosial Bandar termasuk kesihatan dan pendidikan; tetapi Melayu tidak tinggal di Bandar. Mereka kekal di kampung masing-masing tanpa segala kemudahan itu. Mereka menjadi Muslim miskin dengan animisme mereka. Demikianlah British berjaya menjadikan Tanah Melayu semacam tanah jajahan yang kaya hasil bumi dan pembangunan ekonomi kolonial dalam pertanian getah, kopi dan juga madat (opium).

Natijah perlindungan British di Tanah Melayu ialah berlakunya peminggiran masyarakat Melayu dan Islam, yang terbiar di dalam dasar yang amat menindas kemajuan mereka. Dalam pada itu, muncul pula keperluan mengawal agama dan adat Melayu pada awal abad 20. Maka ditubuhkan Majlis Agama dan Adat Melayu. Persekolahan agama wujud sebagai kegiatan dakwah peribadi para guru dan sheikh yang memahami keperluan pengajaran secara formal, namun tetap terbiar sendiri, bergantung kepada ihsan masyarakat yang miskin. Justeru terbangunlah secara amat sederhana sistem pengajaran dan pembelajaran pondok oleh para pendakwah dan ulama yang bergantung kepada kepandaian mereka sendiri untuk hidup kekal.

Dengan kaedah pondok maka institusi pendidikan agama dapat hidup dengan amat sederhana kerana para pelajar dan penghuni melaksanakan semua keperluan hidup sebagai pelajar dari kampung. Hanya kemudian lahir sekolah formal agama dan Arab yang dibiayai para pendakwah sendiri di Negeri-Negeri Melayu Takbersekutu, dengan mengikuti model atau bentuk sistem pengajaran di Asia Barat.

Pengenalan sistem pendidikan kolonial bagi masyarakat Melayu telah memecah-belahkan pendidikan Melayu Islam kepada sistem sekular dan agama yang mengasingkan golongan agama dan awam di dalam masyarakat. Sehingga kini pun perpecahan itu masih lagi berlaku meskipun ada usaha untuk membina sekolah integrasi yang menggabungkan kesemua ilmu yang wajib diketahui dan dipelajari oleh anak-anak Islam. Walau pun menuntut ilmu adalah wajib bagi lelaki dan perempuan Islam tetapi perpecahan sejak zaman kolonial belum dapat disepadukan dengan berpangkalan kepada asas al-Quran dan Hadith serta pemikiran Islami. Belum muncul satu sistem pendidikan yang sepenuhnya menggabungkan ilmu pada landasan asas keilmuan Islam – Quran dan hadith. Sistem pendidikan negara masih tidak memasukkan pengajian agama sebagai bahagian dari sistem pengajian serta pembelajaran asasi di sekolah. Maka kekallah dua aliran pengajian: ilmu agama dan ilmu sekular hingga kini. Penyepaduan epistemologinya – pangkal dan sumber ilmunya - seperti yang pernah dicapai oleh ulama Islam zaman lampau berlandaskan al-Quran dan Hadith - belum tercapai hingga kini.

5. Islam Kini

Demikianlah garis perkembangan Islam di Malaysia dan Alam Melayu dikatakan telah bermula sejak 674M di utara Sumatera dengan penempatannya sejak 878M. Namun hanya pada abad 12M Islam berkembang kerana berjaya memikat hati raja di Pasai. Melalui perdagangan dan kemudian dengan usaha pendakwah sufi maka Islam berkembang terus dalam masyarakat di Pasai-Perlak dan kemudian bertunjang teguh di Melaka. Ketika Marco Polo melintas lalu di perairan Selat Melaka pada 1292 Perlak adalah Islam. Pada kira-kira 1380 Islam sampai ke pulau Mindanao pula.

Demikianlah Islam itu berkembang atas perkembangan bahasa Melayu dan kitab kuning jawi sebagai media oleh semua ulama besar dari seluruh Alam Melayu

dalam jaringan yang amat kuat sejak Hamzah Fansuri (w. 1590), Shamsudi al Sumaterani (16-17M), Abdul Rauf Singkili (1615-93M), Nuruddin arRaniri (w. 1656) dan kemudian Daud Fatani (1769-1791M) , Abdus Samad al Falembani (1704-1832), Syekh Muhammad Arsyad Al-Banjary (1710-1812), Syekh Abdul Wahab Bugis 1725/1735 – 1782/1790 dan murid-murid mereka.

Semakin berkembang penjajahan di negeri-negeri Melayu maka semakin teguh dan lantang para ulama bersuara dan malah mengepalai perjuangan melawan dan menentang penjajahan di Pattani, Kelantan, Trengganu, Aceh, Minangkabau dan pelbagai daerah Melayu. Di Indonesia Islam masuk ke dalam perjuangan politik dengan golongan ulama membina parti politik seperti Muhammadiyah dan Nahdatul Ulama. Di Negara-negara lain yang berada di bawah taklukan penjajahan, bergerak dalam rangka rintangan kuasa dalam negara seperti Thailand, Burma, Melayu, Maranao, Tausug, Indonesia, Jawa, dan China. Namun kemudian mereka sempat membina jaringan dari luar Negara ketika berada di Makkah atau di pelbagai pusat pengajian di Timur Tengah terutama di Mesir.

Hanya kemerdekaan yang telah membebaskan umat Melayu-Islam untuk membina bangsanya berlandaskan Islam. Demikianlah kemerdekaan memungkinan penggubalan sistem pendidikan Islam yang dapat dimasukkan ke dalam kurikulum nasional di semua tahap persekolahan dan pembinaan universiti-universiti Islam. Kejayaan teragung ialah pembinaan rangkaian pengajaran dan pendidikan Islam di dalam pusat pengajian tinggi Islam di semua negeri Melayu. Ditambah dengan penggunaan semua institusi Islam seperti mesjid, surau, semua media cetak, radio, tv, saluran elektronik dan kini digital. Pada setiap hari pelbagai kegiatan pembelajaran dan pengajaran berlaku. Malah gerakan dakwah serta kemanusiaan oleh pelbagai pertubuhan sukarela muncul hingga ke tahap global seperti 'Islamic Relief Malaysia'. Nyatalah gerakan Islam itu sudah merata dan bertebaran luas di dalam dan luar masyarakat.

Bermula dengan kemunculan parti politik untuk merebut kemerdekaan sejak sebelum Perang Dunia II maka gerakan politik Islami pada ketika itu berhadapan dengan manipulasi kuasa penjajahan. Para penggiat dan pemikir berpecah antara modenisme dan tradisonalisme seperti gerakan Kaum Muda- Kaum Tua. Di Indonesia gerakan itu meletus menjadi persaingan amat sengit antara agama dan adat sehingga membawa kepada peperangan saudara seperti Perang Padri di Minangkabau. Perang seperti ini dimanipulasi oleh penjajahan Belanda atau Inggeris

untuk memecahkan masyarakat Islam: golongan penentang dan golongan penyokong kuasa penjajahan mereka. Antara kedua itu bersengketa dan menguntungkan penjajahan.

Kemunculan parti politik Islam seperti PAS dan UMNO yang menegaskan keislamannya dan kemudian beberapa gerakan dakwah NGO seperti PERKIM, ABIM dan kini dalam bilangan cukup banyak maka gerakan Islami menjadi asas dan tunjang pembinaan masyarakat moden dan terkini.

Namun kesan penjajahan terhadap pemikiran tetap berlaku terutama pada golongan yang menentang perkebangan itu dari kalangan bekas pentadbir yang terdidik dalam rangka *wordview* serta tafsiran perundangan British. Agama bagi mereka hanya bahagian luar dari pemikiran secular dan hanya wajar dipegang secara pribadi dan keperluan sendiri. Agama bukan bidang masyarakat awam untuk dikuatkasakan.

Prasangka dari aman kolonial itu diperteguh pula oleh kehadiran bangsa lain bukan-Melayu yang bekerja keras untuk menolak kebangkitan Islam dan pengislaman institusi negara. Mereka menjadi bahagian dari rintangan pengislaman menyeluruh negara dan bangsa.

Pendidikan dan pembelajaran Islam sudah berkembang dalam sekian banyak institusi persekolahan termasuk tahfiz dan juga termasuk ke dalam perkembangan sistem ekonomi melalui kewangan dan ekonomi Islam dan ke dalam ilmu siyarah syariyah yang menapis kegiatan budaya politik dan serta budaya seni sehingga menarik para seniman untuk bergiat.

Namun satu persoalan asasi yang belum dapat diselesaikan ialah masalah kesejahteraan dan kebahagiaan umat Islam dari sudut ekonomi dan wibawa kebendaan. Rata-rata masyarakat Islam, di merata daerah dan wilayah Alam Melayu adalah golongan lemah ekonomi, miskin serta amat rendah kesejahteraan kemajuan material. Keadaa ini melahirkan wajah dan citra yang kurang baik sehingga ia dikaitkan dengan gerakan keganasan, Islamohobia dan keganasan global. Diperkembang gagasan buruk itu secara meluas oleh media anti Islam maka Islam menjadi asas dan sumber keganasan dunia sehingga di dalam negara Islam sendiri terpaksa wujud institusi pengawalan terhadap gerakan ganas berwajah Islam itu.

6. Islam Menyeluruh untuk Menjulung Kemuliaan

Kemerdekaan negara membebaskan kita untuk melaksanakan pengislaman menyeluruh sistem politik, sosio-budaya dan ekonomi Melayu. Namun dalam Negara yang beraulat di atas kedaulatan demokrasi maka rakyat memainkan kuasa dan daulat itu. Demikianlah kita berhadapan dengan sokongan dan juga bantahan dari pelbagai golongan, baik Muslim dan juga bukan Muslim. Banyak persoalan masyarakat Islam sudah dapat diganggu oleh bukan Islam seperti pindaan undang-undang syariah, masalah kegunaan nama 'Allah', nama bapa bagi anak yang tidak sah taraf, penukaran agama anak-anak kepada Islam.

Keadaan ini adalah lanjutan dari pelbagai rintangan dalam sejarah. Islam sentiasa berhadapan dengan keadaan yang merintang kerana ia adalah ajaran Allah untuk mengislah manusia. Apakah yang dapat kita lakukan untuk menjulung kemuliaan Islam itu.

i. Tugas Individu

Pada asasnya Islam adalah aqidah dan pegangan individu sebagai fardhu ain. Sebahagian hidupnya adalah kepunyaan masyarakat, fardhu kifayah. Justeru permulaan kemuliaan Islam ialah keutuhan fahaman dan pegangan anggota umatnya. Jika setiap anggota dapat memahami seluruh corak hidup Islam maka segala amalannya adalah Islami dan sekaligus mengangkat maruah Islam dan memancarkan corak hidup itu. Pastilah keperluan untuk mendidik setiap individu itu mempunyai implikasi tarbiyah dan sistem pendidikan yang amat besar. Hal inilah yang wajar difikirkan sepenuh dan sebaiknya.

ii. Tugas Masyarakat

Tugas masyarakat adalah fardhu kifayah bagi kesejahteraan, kebahagiaan dan kesenangan umatnya. Fardhu kifayah adalah tugas masyarakat atau komuniti seluruhnya terhadap kesejahteraan, keperluan dan kemuliaan anggotanya. Sebuah negara atau bangsa adalah bertanggungjawab untuk memikirkan secara menyeluruh, dalam semua bidang kehidupan tentang kesejahteraan masyarakat dan umatnya itu. Dalam hal ini, jabatan yang bertanggung-jawab wajib memikir dan bertindak untuk merancang dan melaksanakan matlamat kemakmuran dan kesejahteraan umat kerana hal itu adalah perintah dari Allah, seperti dalam ayat di bawah:

"Dan kepada Tsamud (Kami utus) saudara mereka Shaleh. Shaleh berkata: "Hai kaumku, sembahlah Allah, sekali-kali tidak ada bagimu Tuhan selain Dia. Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya, karena itu mohonlah ampunan-Nya, kemudian bertobatlah kepada-Nya, Sesungguhnya Tuhanku amat dekat (rahmat-Nya) lagi memperkenankan (doa hamba-Nya)". Hud : ayat 61

iii. Tugas Jabatan

Jabatan dan majlis hal ehwal Islam kelihatan lebih banyak menumpukan perhatian kepada pelaksanaan pelbagai aspek perundangan syariah, yang sebenarnya adalah kewajiban asasnya. Namun syariah itu mempunyai maqasid yang wajib membangun kesejahteraan selur hidup umatnya: agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Maka semua prinsip maqasid itu wajib dipenuhi demi kelangsungan, kemuliaan dan ketinggian Islam di sepanjang zaman. Sebarang halangan wajib diatasi dan dihapuskan. Barangkali terdapat kekurangan dalam urusan harta yang terbatas kepada pewarisan faraid. Mungkin pengurus Islam perlu membina sikap 'pembangunan kesejahteraan' dan juga membentuk usuludin kekayaan (theology of wealth) yang lebih positif supaya naluri pencarian harta benda yang banyak untuk "fastabiqul kharat" – berlumba berbuat kebaikan - dapat mendorong kejayaan yang lebih tinggi dalam kalangan ummah, serta memenuhi perintah Allah untuk berusaha mencari syurga.

Mungkin kita boleh memberi tafsiran yang lebih positif kepada pelbagai hadith mengenai harta dengan meletakkannya rapat dengan iman supaya menjadi pendorong kepada pemilikan harta yang banyak dan sekali gus meningkatkan kesejahteraan seluruh umat melalui sistem ekonomi *distributive* (penagihan) dalam Islam:

"Celakalah hamba dinar, hamba dirham, hamba pakaian dan hamba segala macam yang menarik. Jika diberi, ia ridha. Namun jika tidak diberi, ia pun tidak ridha".

(HR. Bukhari no. 6435)

7. Akhir kata

Islam itu adalah pancaran dari kitab alQuran dan hadith rasulallah (saw). Maka dari ayat pertamaia adalah 'panduan kepada jalan yang lurus'. Dan kebahagiaan adalah mengikuti panduannya untuk orang bertaqwa – hudan lilmuttaqin. Maka tugas utama anggota umat ialah membina taqwa itu, mengikuti segala panduan dan memenuhi

segala kriterianya. Itulah jalan alfalih – kesejahteraan Islami. Seperti kata seorang penganalisis:

“Sebagai rumusan akhir, dapat kita katakan bahawa walaupun kita dituntut untuk mengamalkan paradigm pemikiran yang bersifat moden dan progressif untuk konteks zaman moden ini, ini bukanlah bermakna kita boleh memperkecilkan sumbangan yang pernah diberikan oleh kalangan ulamak Melayu-Islam silam berasaskan paradigma tradisionalism. Setakat yang telah dipaparkan dengan cukup panjang lebar di dalam kajian ini, terbukti bahawa sumbangan bermakna yang telah diberikan oleh aliran tradisionalism ini dalam konteks negeri Kelantan adalah amat besar sekali. Sebaiknya, sebagai umat Islam yang mempunyai asas jatidiri kekuatan iman dan tradisi yang cukup kukuh, segala pandangan negatif yang dibawakan oleh genre penulisan barat yang sering memperkecilkan paradigm tradisionalism perlu ditolak dan dinilai secara selektif. Apa yang lebih penting lagi, sebagai langkah strategic kita patut merancang langkah yang berstruktur dan berteraskan wawasan.” Prof. Madya Dr Rahimin Affandi Abdul Rahim Prof. Madya Dr. Noor Naemah Abdul Rahman Mohd. Anuar Ramli Jabatan Fiqh dan Usul Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur. “Paradigma Tradisionalism dan Kesannya Terhadap Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negeri Kelantan.” (Rahimin Affandi Abdul Rahim, Noor Naemah Abdul Rahman & Mohd. Anuar Ramli)

WALLAHU A’ALAM

Profesor Emeritus Datuk Zainal Kling,
Kursi Institusi Raja-Raja Melayu, UiTM

”Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang shalih bahwa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diridlai-Nya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka dalam ketakutan menjadi aman sentausa. Mereka tetap menyembah-Ku dengan tiada mempersekutukan sesuatu apapun dengan Aku. Dan barangsiapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik” [QS. An-Nur : 55].